

SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)

**PANDUAN PELAKSANAAN LATIHAN SISTEM LATIHAN PROGRAM
BERTAULIAH (SLaPB) BERASASKAN KOD AMALAN PENTAULIAHAN
PROGRAM TVET
(*CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAM ACCREDITATION – COPTPA*)**

15 MAC 2021

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

1.0	Pengenalan.....	1
2.0	Latar Belakang.....	1
3.0	Objektif.....	2
4.0	Tafsiran.....	3
5.0	Senarai Ringkasan.....	5
6.0	Pelaksanaan SPKM Berasaskan Kredit.....	6
	6.1 Ciri-ciri Pelaksanaan Berasaskan COPTPA	
	6.2 Objektif Pelaksanaan SPKM Berasaskan COPTPA	
7.0	Pendaftaran Pelatih.....	6
	7.1 Kriteria Pelatih	
	7.2 Syarat-syarat Pendaftaran Pelatih	
	7.3 Prosedur Pendaftaran Pelatih	
	7.3.1 Prosedur Umum	
	7.3.2 Pendaftaran Pelatih Ulang Nilai	
	7.3.3 Pindaan Maklumat Pendaftaran Pelatih	
	7.3.4 Penangguhan Latihan	
8.0	Pelaksanaan Latihan.....	13
	8.1 Modul Wajib	
	8.2 Modul Teras	
	8.3 Modul Pendedahan Industri dan Latihan Industri	
	8.4 Nilai Mata Kredit	
	8.5 Tempoh Latihan	
9.0	Penilaian.....	21
	9.1 Pelaksanaan Penilaian	
	9.2 Penilaian Kerja Kursus (PKK)	
	9.3 Penilaian Akhir	
	9.4 Projek Akhir	
	9.5 Pendedahan Industri (PI)	
	9.6 Latihan Industri (LI)	

10.0 GRED DAN MARKAH.....	31
11.0 PEREKODAN PENILAIAN DAN PENCAPAIAN.....	38
11.1 REKOD BUKTI PENCAPAIAN (RBP)	
11.2 PEREKODAN PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	
11.3 PEREKODAN PENILAIAN AKHIR (PA)	
12.0 VERIFIKASI PEGAWAI PENGESAH LUARAN (PPL).....	40
12.1 SEBELUM PENILAIAN AKHIR	
12.2 SEMASA PENILAIAN AKHIR	
12.3 SELEPAS PENILAIAN AKHIR	
13.0 PENILAIAN ULANG NILAI.....	42
13.1 PENILAIAN ULANG NILAI DALAMAN	
13.2 PENILAIAN ULANGAN	
13.3 PENILAIAN ULANG NILAI BAGI SEMUA KOMPONEN	
14.0 JAMINAN KUALITI SPKM.....	43
14.1 PANEL PENILAIAN PUSAT BERTAULIAH (PPPB)	
14.2 TANGGUNGJAWAB PPB	
14.3 TANGGUNGJAWAB PPD	
14.4 TANGGUNGJAWAB PP	
14.5 TANGGUNGJAWAB PPL	
15.0 PERSIJILAN	45
16.0 PEMAKAIAN.....	47
17.0 TARIKH KUAT KUASA.....	48

18.0 SENARAI JADUAL

Jadual 1	Maklumat Pendaftaran Pelatih Mengikut Kategori Program
Jadual 2	Kadar Fi dan Caj bagi Pendaftaran Pelatih
Jadual 3	Komponen Core Abilities Bagi Tahap 1 hingga 5
Jadual 4	Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap bagi Program Mengikut Tahap
Jadual 5	Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Kumpulan Program Bertauliah bagi Program Persijilan Tahap Tunggal (TT)
Jadual 6	Peraturan Julat Masa Aktiviti Terpandu / Bersemuka, Kendiri dan Penilaian Bagi Modul Teras
Jadual 7	Peraturan Masa Aktiviti Pembelajaran Projek Akhir
Jadual 8	Penyediaan Set Soalan PA berdasarkan Kepada Nilai Kredit Cu / Modul dan Tahap
Jadual 9	Skema Permarkahan Projek Akhir Oleh PP
Jadual 10	Skema Permarkahan Projek Akhir oleh PPD dan PPL
Jadual 11	Penentuan pelaksanaan PI dan LI bagi Program Persijilan Tahap Tunggal
Jadual 12	Ringkasan Wajaran Peratus Penilaian Mengikut Tahap
Jadual 13	Penggredan dan Pemarkahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit
Jadual 14	Wajaran Peratus Komponen Penilaian Kerja Kursus, Penilaian Akhir dan Elemen Penilaian Pengetahuan dan Prestasi Bagi Tahap 1 hingga Tahap 5
Jadual 15	Pembahagian Peratus Markah Penilaian Bagi Tahap Satu (1) Hingga Tahap Tiga (3)
Jadual 16	Pembahagian Peratus Markah Penilaian Bagi Tahap Empat (4) dan Tahap Lima (5)
Jadual 17	Markah Lulus Minimum Bagi Setiap Elemen Penilaian Pengetahuan dan Prestasi

19.0 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Carta Alir Pendaftaran, Pelaksanaan Latihan dan Persijilan Pelatih Melalui SLaPB Berasaskan COPTPA
Lampiran 2	Carta Alir Pendaftaran Pelatih Baharu / Ulang Nilai
Lampiran 3	Borang Senarai Semak Permohonan Pendaftaran Pelatih (JPK /PENDAFTARAN/ 01/P4)
Lampiran 4	Course Outline of the Course And The Student Learning (SLT) Per Topic
Lampiran 5	Tempoh Latihan Minimum Program Secara Mengikut Tahap (Multi-Tier-MT)
Lampiran 6	Tempoh Latihan Minimum Program Persijilan Tahap Tunggal (Single Tier-ST)
Lampiran 7	Contoh Pengiraan Bagi Penetapan Masa Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian Modul Teras Bagi Program Tahap 1
Lampiran 8	RPK Modul Penyedia TVET

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Panduan Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kod Amalan Pentauliah Program TVET (*Code of Practice for TVET Program Accreditation* – COPTPA) ini bertujuan untuk menerangkan tentang polisi dan dasar pelaksanaan kredit bagi SLaPB di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada penyedia latihan, pekerja dan pengamal industri, majikan dan mana-mana individu yang berminat. Panduan ini telah dibangunkan dengan mengambil kira keperluan COPTPA Sistem Akreditasi Tunggal TVET yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019.
- 1.2 Panduan ini tidak terpakai bagi program berikut:
- Bidang pelancongan di bawah pelesenan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MoTAC);
 - Program di bawah *area Vokasional Training* / Latihan Vokasional;
 - Standard Keterampilan Kebangsaan (National Competency Standard - NCS);
 - Program Modular;
 - Program Non Destructive Testing (NDT);
 - Program yang ditauliahkan berdasarkan Kod Amalan Pentauliah Program Kemahiran (KAPPK); dan
 - Mana-mana program yang ditentukan oleh KPPK.

2.0 LATAR BELAKANG

SPKM yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 berkonsepkan Latihan Berasaskan Keterampilan (Competency Based Training - CBT) menggunakan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) sebagai asas untuk mengukur keterampilan pelatih bagi tujuan persijilan.

Selaras dengan keperluan COPTPA, SPKM telah ditambahbaik dengan pelaksanaan kredit di mana pencapaian pelatih diberikan nilai kredit dan gred bagi memperjelaskan tahap keterampilan yang dicapai. SPKM berasaskan kredit akan diguna pakai dalam pelaksanaan latihan melalui kaedah pentauliah SLaPB supaya kelayakan yang dianugerahkan lebih diterima dan diiktiraf. Penambahbaikan ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh JPK bagi:

- a. meningkatkan kualiti dan keberkesanan pelaksanaan latihan kemahiran sedia ada;
- b. menyediakan laluan kerjaya yang lebih baik, fleksibel dan memberi peluang kepada pelatih / individu untuk meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang; dan
- c. memudahkan individu mendapatkan pengiktirafan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif panduan ini adalah:

- a. Menjelaskan Pelaksanaan SPKM melalui SLaPB berasaskan COPTPA.
- b. Membantu personel PB SLaPB melaksanakan aktiviti berkaitan proses pendaftaran pelatih, pelaksanaan latihan, penilaian dan persijilan.
- c. Membantu dalam mengukur pencapaian keterampilan pelatih dengan lebih jelas; dan
- d. Memperkukuhkan kualiti latihan.

4.0 TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Aktiviti Pembelajaran Kendiri	Aktiviti pembelajaran tanpa pengawasan daripada Pengajar TVET. Contohnya, aktiviti ulangkaji (pembacaan dan persediaan untuk penilaian), tugas dan penulisan laporan.
Buku Log Pelatih	Dokumen yang merekodkan pengalaman pelatih dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan di Industri LI yang disahkan oleh Penyelia di Industri berkenaan.
“Latihan industri”	Pendedahan kepada pelatih bagi mengaplikasikan latihan di pusat bertauliah dengan pekerjaan sebenar selaras dengan kehendak industri dalam bidang berkaitan.
Aktiviti terpandu/bersemuka	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara bersemuka di antara pelatih dan Pengajar TVET. Contohnya aktiviti di dalam kelas (pembelajaran teori), bengkel (pembelajaran amali), aktiviti penyediaan projek dan latihan industri.
Penyedia TVET	Badan korporat, organisasi atau mana-mana badan yang menjalankan program latihan kemahiran yang membawa kepada penganugerahan kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dan Penyata Pencapaian.
Rekod Bukti Pencapaian	Portfolio yang mengandungi semua bukti penilaian dan pencapaian pelatih yang dilaksanakan sepanjang latihan.
Modul Penyedia TVET	Satu unit pembelajaran atau latihan yang merangkumi sebahagian daripada kursus dan dianggap sebagai satu komponen yang

		membentuk kompetensi bagi bidang kemahiran sesuatu pekerjaan.
Pendedahan Industri		Pengalaman pelatih yang diperolehi melalui lawatan lapangan di industri atau organisasi yang bersesuaian dengan bidang mereka.
Penilaian		Kaedah untuk mengukur kompetensi pelatih merangkumi Penilaian Kerja Kursus dan Penilaian Akhir dengan pengawasan pengajar TVET.
Program Persijilan Tunggal (<i>Single Tier</i>)	Tahap	Suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan kombinasi dua (2) atau lebih program latihan kemahiran dalam laluan program tersebut.
Program Modular		Program yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa CU atau Work Aktiviti (WA) yang boleh membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC).
CU dominan		CU paling utama dalam NOSS yang dapat mengukur keterampilan pelatih bagi tahap berkenaan
Modul dominan		Modul paling utama dalam struktur kurikulum yang dapat mengukur keterampilan pelatih bagi tahap berkenaan

5.0 SENARAI RINGKASAN

CBT	<i>Competency Based Training</i>
COPTPA	<i>Code of Practice for TVET Programme Accreditation</i>
CU	<i>Competency Unit</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
LI	Latihan Industri
NCS	<i>National Competency Standard</i>
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PA	Penilaian Akhir
PI	Pendedahan Industri
PKK	Penilaian Kerja Kursus
PPL	Pegawai Pengesah Luaran
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
MySPIKE	Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia
SLaPB	Sistem Latihan Program Bertauliah
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

6.0 PELAKSANAAN SPKM BERASASKAN COPTPA

6.1 Ciri-ciri pelaksanaan SPKM berasaskan COPTPA adalah seperti berikut:

- a. Menggunakan NOSS yang mempunyai ciri-ciri dinamik, fleksibel dan responsif;
- b. Membolehkan kelayakan diperolehi mengikut kesesuaian masa, tempat dan keupayaan individu;
- c. Menyediakan kaedah pembelajaran latihan yang fleksibel dalam bentuk sepenuh masa dan separuh masa bagi mendapatkan pengiktirafan kelayakan;
- d. Memberi nilai kredit kepada setiap kelayakan yang diiktiraf; dan
- e. Menyimpan dan mengumpul kredit secara berterusan dengan menggunakan pangkalan data dalam talian.

6.2 Objektif pelaksanaan SPKM berasaskan COPTPA adalah untuk:

- a. Mengukur pencapaian dan keterampilan pelatih dengan lebih jelas dan terperinci;
- b. Meningkatkan tahap penerimaan dan mobiliti pemegang SKM/DKM/DLKM /PC;
- c. Menyediakan laluan kerjaya ke tahap yang lebih tinggi;
- d. Meningkatkan peluang artikulasi ke peringkat kelayakan yang lebih tinggi; dan
- e. Menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

7.0 PENDAFTARAN PELATIH

PB boleh menawarkan program latihan kemahiran hanya apabila telah mendapat kelulusan pentauliahan bagi program yang dimohon. Apabila pelatih mula mengikuti latihan, PB hendaklah mendaftarkan pelatih kepada JPK. Carta alir latihan dari mula pelatih didaftarkan sehingga persijilan adalah seperti di **Lampiran 1**. Kriteria pelatih,

syarat-syarat pendaftaran pelatih dan prosedur pendaftaran pelatih diterangkan dalam perenggan berikutnya.

7.1 Kriteria Pelatih

PB hendaklah memastikan pelatih yang hendak didaftarkan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a. Tiada had umur
- b. Bagi pelatih antarabangsa, syarat umur adalah 18 hingga 35 tahun.
- c. Boleh membaca, menulis dan mengira dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- d. Mempunyai persijilan SPKM tahap terendah untuk mendaftar persijilan tahap yang lebih tinggi dalam laluan program yang sama;
- e. Memenuhi pra syarat atau apa-apa keperluan yang ditetapkan dalam NOSS berkenaan;
- f. Bagi pendaftaran pelatih program perantisan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), pelatih perlu memenuhi semua kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh PSMB;
- g. Memenuhi syarat-syarat tambahan lain yang ditetapkan oleh PB dan badan perlesenan; dan
- h. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh KPPK dari masa ke semasa.

7.2 Syarat-Syarat Pendaftaran Pelatih


PB hendaklah mematuhi syarat-syarat pendaftaran pelatih seperti berikut:

- a. PB dibenarkan mendaftarkan pelatih bagi program yang mempunyai tempoh pentauliahan yang masih sah.
- b. PB hendaklah mendaftarkan pelatih mengikut kapasiti yang diluluskan dan jumlah kapasiti adalah merangkumi pelatih tempatan dan antarabangsa.

- c. Pendaftaran pelatih antarabangsa perlu mendapat kelulusan bagi pengambilan pelatih antarabangsa daripada JPK dan hendaklah mematuhi pelaksanaan pengambilan pelatih antarabangsa seperti yang telah ditetapkan.
- d. Pusat Bertauliah hendaklah merancang pelaksanaan penilaian kerja kursus dan penilaian akhir. Bagi penilaian akhir dalaman, PB hendaklah mengemaskini tarikh penilaian akhir setiap CU atau modul melalui sistem semasa pendaftaran pelatih.
- e. Seorang Pegawai Penilai (PP) boleh dilantik untuk beberapa kumpulan pelatih bagi program yang sama dalam tempoh 60 hari dari tarikh kumpulan pelatih pertama (1) didaftarkan. PB perlu mematuhi syarat berikut:
 - i. Tarikh latihan yang sama
 - ii. Program yang sama bagi semua kumpulan pelatih terlibat
 - iii. Jumlah maksimum pelatih adalah 25 orang.

Contoh pelaksanaan adalah seperti di **Rajah 1**.

Rajah 1: Pelaksanaan pendaftaran pelatih menggunakan PP yang sama bagi beberapa kumpulan pelatih



- f. PB hendaklah menggantikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tertinggal bagi kumpulan pelatih kedua dan kumpulan pelatih seterusnya dalam tempoh 60 hari tersebut.

- g. Penambahan pelatih ke dalam kumpulan pelatih yang telah sah berdaftar adalah tidak dibenarkan.
- h. Pendaftaran pelatih boleh dibuat sepanjang tahun kepada JPK beserta bayaran dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelatih mula latihan. Pendaftaran pelatih yang dibuat lebih daripada 60 hari dari tarikh pelatih mula latihan tidak akan dipertimbangkan.
Contoh : Sekiranya tarikh mula latihan kumpulan pelatih adalah 1 Januari 2018, tarikh penerimaan dokumen pendaftaran beserta bayaran hendaklah pada atau sebelum 28 Februari 2018.
- i. Maklumat pendaftaran pelatih mengikut kategori program adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Maklumat Pendaftaran Pelatih Mengikut Kategori Program

Bil	Kategori Program	Bila Pelatih perlu didaftarkan	Tahap didaftarkan
1.	Mengikut Tahap	Dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula latihan	Tahap program berkenaan
2.	Tahap Tunggal	Dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula latihan	Tahap tertinggi kumpulan program bertauliah

- j. Pelatih hendaklah didaftarkan mengikut kategori program, mod latihan dan tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK kepada program berkenaan.
- k. Pendaftaran pelatih tidak dibenarkan jika;
 - i. Program dikenakan tindakan penguatkuasaan.
 - ii. PB memohon untuk menamatkan program bertauliah.
 - iii. Program diluluskan hanya untuk menyelesaikan kumpulan pelatih sedia ada.

7.3 Prosedur Pendaftaran Pelatih

Prosedur pendaftaran pelatih dibahagikan kepada dua (2) seperti berikut:

7.3.1 Prosedur Umum

- a. Pendaftaran pelatih hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian.

- b. PB boleh membuat bayaran pendaftaran pelatih kepada JPK secara dalam talian (FPX), Pesanan Tempatan (sistem e-Perolehan), Bank Deraf atau Kiriman Wang.
- c. PB hendaklah memilih salah satu bentuk bayaran bagi pendaftaran satu kumpulan pelatih seperti dinyatakan pada **Lampiran 2**.
- d. Kadar Fi dan Caj seperti Jadual 2 hendaklah dibuat atas nama **Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran**.

Jadual 2: Kadar Fi Dan Caj Bagi Pendaftaran Pelatih

Bil	Jenis Pendaftaran Pelatih	Kadar Fi dan Caj (RM) Setiap Pelatih	
		Warganegara / Pemastautin Tetap	Bukan Warganegara
1.	Program Mengikut Tahap	100.00	200.00
2.	Program Tahap Tunggal	100.00	200.00
3.	Pendaftaran Ulang Nilai	100.00	200.00

- e. Prosedur pendaftaran pelatih adalah seperti carta alir di **Lampiran 2**.
- f. Pelatih disahkan berdaftar setelah resit pendaftaran dikeluarkan (status *Approve Lock*).
- g. Kegagalan PB untuk mematuhi prosedur yang ditetapkan boleh menyebabkan permohonan pendaftaran pelatih ditolak.

7.3.2 Pendaftaran Pelatih Ulang Nilai

- a. Pendaftaran pelatih ulang nilai boleh dikemukakan secara dalam talian selepas pengesahan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Pensijilan SPKM (JPPS).
- b. Ulang nilai dibenarkan di PB yang sama dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh keputusan JPPS kali pertama.
- c. Bayaran hendaklah merujuk kepada kadar Fi dan Caj di **Jadual 2**.
- d. Pelatih yang masih belum terampil selepas tamat tempoh penilaian ulang nilai yang dibenarkan boleh didaftarkan semula sebagai

pelatih baharu dan menjalani semula latihan serta penilaian program berkenaan.

7.3.3 Pindaan Maklumat Pendaftaran Pelatih

7.3.3.1 Pindaan Nama Atau Nombor Kad Pengenalan Pelatih

- a. Pindaan maklumat pelatih setelah pendaftaran disahkan hanya boleh dibuat oleh PB sahaja dan tertakluk kepada syarat berikut:
 - i. Pindaan maklumat pelatih hanya boleh dibuat bagi kesilapan abjad pada ejaan nama atau kesilapan digit pada nombor kad pengenalan.
 - ii. Sekiranya pindaan melibatkan kesilapan pada kedua-dua nama dan nombor kad pengenalan, pendaftaran pelatih berkenaan perlu dibatalkan dan didaftarkan semula beserta bayaran fi.
- b. PB hendaklah mengemukakan permohonan pindaan maklumat pelatih merujuk kepada borang semak permohonan pendaftaran pelatih seperti **di Lampiran 3**.

7.3.3.2 Pindaan Tarikh Latihan

- a. PB hanya dibenarkan untuk memohon pindaan tarikh tamat latihan sahaja.
- b. PB hendaklah mengemukakan permohonan pindaan maklumat pelatih merujuk kepada borang senarai semak permohonan pendaftaran pelatih seperti di **Lampiran 3**.

7.3.3.4 Pindaan Program

Pindaan program bagi pelatih yang telah sah berdaftar adalah dibenarkan dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- a. PB hendaklah mengemukakan permohonan bagi membatalkan pendaftaran pelatih. Bayaran pendaftaran terdahulu tidak akan dikembalikan.
- b. Pelatih perlu didaftarkan semula bagi program baharu beserta bayaran fi pendaftaran baharu.

7.3.3.5 Pemindahan Pelatih Disebabkan Oleh Penamatan PB Atau Program

- a. PB asal perlu mengemukakan salinan *undertaking letter* bagi menyelesaikan pelatih sedia ada dan surat/ dokumen persetujuan perpindahan pelatih ke PB baharu.
- b. PB baharu perlu mendaftarkan semula pelatih tersebut kepada JPK.
- c. Tiada bayaran pendaftaran dikenakan.
- d. Tempoh latihan dibenarkan mengikut pendaftaran asal sekiranya PB boleh mengemukakan bukti latihan, rekod kehadiran dan penilaian pelatih terdahulu di PB asal.

7.3.3.6 Pindaan Nama Pusat Bertauliah

- a. Semua pelatih yang berdaftar dikekalkan mengikut rekod pendaftaran sedia ada seperti nombor kumpulan, maklumat program serta tarikh mula dan tamat latihan.
- b. Persijilan pelatih akan mengikut nama PB yang terkini.

7.3.3.7 Pindaan Tarikh Tamat Latihan Bagi PB Berpindah Premis

- a. PB yang berhasrat untuk berpindah premis hendaklah mengemukakan permohonan pindaan tarikh tamat latihan bagi kumpulan pelatih yang terlibat dengan mengemukakan borang Pendaftaran Pelatih seperti di **Lampiran 3**.

- b. Semua pelatih yang berdaftar dikekalkan mengikut rekod pendaftaran sediaada seperti nombor kumpulan, maklumat program dan tarikh mula latihan. Tarikh tamat latihan adalah tertakluk kepada kelulusan.
- c. PB hendaklah bertanggungjawab menyelesaikan latihan dan persijilan pelatih sedia ada di premis baharu yang diluluskan.

7.3.3.8 Pembatalan Pelatih

- a. Permohonan pembatalan pelatih yang dilakukan oleh PB boleh dibuat secara dalam talian.
- b. Bayaran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pendaftaran pelatih telah dibatalkan atau tidak menamatkan latihan dalam tempoh latihan yang ditetapkan.
- c. Bayaran pendaftaran pelatih yang dibatalkan tidak boleh diganti dengan pelatih yang lain.

7.4 Penangguhan Latihan

Permohonan hendaklah dilakukan seperti berikut:-

- a. PB perlu mengemukakan permohonan penangguhan latihan secara atas talian.
- b. Tempoh maksimum penangguhan yang dibenarkan adalah enam (6) bulan dan ianya bermula dari tarikh kelulusan penangguhan tersebut oleh JPK.

8.0 PELAKSANAAN LATIHAN

Pelaksanaan latihan adalah berasaskan kepada struktur kurikulum program yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu Modul Wajib, Modul Teras dan Pendedahan Industri (PI) / Latihan Industri (LI) seperti berikut:

8.1 Modul Wajib

Modul Wajib terdiri daripada komponen Core Abilities dan Modul Penyedia TVET yang melibatkan pelaksanaan program Tahap 1 hingga Tahap 5 yang dijalankan di PB.

8.1.1 Core Abilities

Core Abilities ialah kemahiran generik yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir bagi semua bidang pekerjaan di Malaysia. Komponen Core Abilities adalah seperti **Jadual 3**.

Jadual 3: Komponen Core Abilities Bagi Tahap 1 hingga 5

CORE ABILITIES GROUP	TAHAP				
	Level 1	Level 2	Level 3	Level 4	Level 5
	CA Title	CA Title	CA Title	CA Title	CA Title
Communication	Basic Working Communication	Communication Application	Effective Communication	Effective Communication Collaboration	Communication Management Skill
Interpersonal Skill	Personal Behaviour Skill	Interpersonal Behaviour	Leadership Skill	Organization Behaviour Awareness	Organizational Management Skill
Etiquette Management	Work Place Ethics Awareness	Work Place Culture Behaviour	Work Place Ethics	Etiquette Practices	Etiquette Management Skill
Health, Safety & Environment	Health, Safety And Environmental Awareness	Health, Safety And Environment Adaptation	Health, Safety and Environment Consciousness	Health, Safety and Environment Monitoring	Health, Safety and Environment Cognition
Using Technology			Information Technology Awareness	Information Technology Application	Information Technology Management
Management Skills			Administrative Skill	Relationship Management Capability	Networking Skill
Change Management				Change Management Awareness	Change Management Implementation
Strategic Thinking				Strategic Thinking Skill	Strategic Resolution
JAM LATIHAN	40	40	80	80	80

8.1.2 Modul Penyedia TVET

- a. Ia merupakan satu kumpulan kompetensi berkaitan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan sikap yang refleks kepada sesuatu bidang pekerjaan dan pelatih layak diberikan kredit di atas pencapaiannya. Modul ini merupakan modul tambahan yang ditawarkan oleh institusi sebagai nilai tambah kepada pelatih dan hendaklah dibangunkan berdasarkan pilihan berikut:
 - i. Mana-mana Competency Unit (CU) elektif (NOSS format CU) atau Duty (NOSS format Duti/Task) dalam kumpulan *Malaysian Standard Industrial Classification* (MISC) yang sama;
 - ii. Kombinasi Work Activities (WA) daripada beberapa CU NOSS (NOSS format CU) atau Task (NOSS format Duty/Task) dalam kumpulan MSIC yang sama;
 - iii. Mana-mana *National Competency Standard* (NCS) yang berkaitan dengan program yang ditawarkan;
 - iv. Modul keusahawanan; atau
 - v. Mata pelajaran umum.
 - vi. Lain-lain modul yang memberi nilai tambah dalam pelaksanaan program.
- b. PB perlu membangunkan *course outline* bagi semua Modul Penyedia TVET seperti contoh di **Lampiran 4**.
- c. Penilaian bagi modul penyedia TVET terdiri daripada
 - i. Penilaian Kerja Kursus Teori;
 - ii. Penilaian Kerja Kursus Amali;
 - iii. Penilaian Akhir Teori;
 - iv. Penilaian Akhir Amali; atau
 - v. Gabungan mana-mana empat (4) di atas

8.2 Modul Teras

Modul Teras adalah merujuk kepada kurikulum latihan berasaskan NOSS program berkenaan yang merangkumi sekurang-kurangnya 60 hingga 70 peratus komponen praktikal. Projek Akhir adalah merupakan salah satu komponen Modul Teras bagi program Tahap 4 dan 5.

8.3 Modul Pendedahan Industri (PI) dan Latihan Industri (LI)

PI dilaksanakan pada program Tahap 1 dan Tahap 2. Modul ini tidak membawa sebarang nilai kredit. LI dilaksanakan pada program Tahap 3, Tahap 4 dan Tahap 5 dengan memberi nilai kredit kepada pelatih.

8.4 Nilai Mata Kredit

8.4.1 Nilai 1 kredit adalah bersamaan 40 jam notional dan jumlah kredit minimum menentukan norma tempoh latihan bagi setiap tahap.

8.4.2 Kredit diberikan bagi setiap CU atau modul yang telah dilengkapkan oleh pelatih.

- i. Perekodan penilaian dan penjanaan gred mengikut CU atau modul serta pangkalan data persijilan diuruskan secara dalam talian.
- ii. Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap Bagi Pelaksanaan Kredit Melalui Kaedah SLaPB adalah seperti di **Jadual 4**.
- iii. Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Kumpulan Program Bertauliah Bagi Program Tahap Tunggal dalam Pelaksanaan Kredit Melalui Kaedah SLaPB adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 4: Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap Bagi Program Mengikut Tahap

Kelayakan/ Tahap	Struktur Kurikulum	Kredit Minimum Mengikut Tahap
Sijil / Tahap 1	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	1 1
	2. Modul Teras a. NOSS	13
	3. Pendedahan Industri	0
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 1	15
Sijil / Tahap 2	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	1 1
	2. Modul Teras a. NOSS	13
	3. Pendedahan Industri	0
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 2	15
Sijil/ Tahap 3	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	2 2
	2. Modul Teras (70% daripadanya mesti berorientasikan praktikal)	20
	3. Latihan Industri (3 bulan)	6
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 3	30
Diploma/ Tahap 4	1. Modul Wajib a. Core Abilities	2

Kelayakan/ Tahap	Struktur Kurikulum	Kredit Minimum Mengikut Tahap
	b. Modul Penyedia TVET	1
	2. Modul Teras a. NOSS b. Projek Akhir	15 4
	3. Latihan Industri (4 bulan)	8
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM DKM TAHAP 4	30
Diploma Lanjutan/ Tahap 5	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	2 6
	2. Modul Teras a. NOSS b. Projek Akhir	20 4
	3. Latihan Industri (4 bulan)	8
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM DLKM TAHAP 5	40

Jadual 5: Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Kumpulan Program Bertauliah Bagi Program Persijilan Tahap Tunggal (TT)

Kumpulan Bertauliah / Kombinasi Tahap	Struktur Kurikulum	KREDIT MINIMUM
Tahap Tunggal (TT) 1 (Kombinasi Tahap 1 dan Tahap 2)	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	2 2
	2. Modul Teras a. NOSS	26
	3. Pendedahan Industri	0
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 2	30*

Tahap Tunggal (TT) 2 Kombinasi Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 atau Tahap Tunggal (TT) 3 Kombinasi Tahap 2 dan Tahap 3	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	4 4
	2. Modul Teras a. NOSS	46
	3. Latihan Industri (3 bulan)	6
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM SKM TAHAP 3	60*
Tahap Tunggal (TT) 4 Kombinasi Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4 atau Tahap Tunggal (TT) 5 Kombinasi Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4 atau Tahap Tunggal (TT) 6 Kombinasi Tahap 3 dan Tahap 4 (Bagi NOSS bermula Tahap 1 atau 2) atau Tahap Tunggal (TT) 7 Kombinasi Tahap 3 dan Tahap 4 (Bagi NOSS bermula Tahap 3)	1. Modul Wajib a. Core Abilities b. Modul Penyedia TVET	6 11
	2. Modul Teras a. NOSS b. Projek Akhir	61 4
	3. Latihan Industri (4 bulan)	8
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT MINIMUM DKM – TAHAP 4	90*

*Kumulatif – terdapat pada kredit pada tahap rendah telah dilengkapkan tertakluk kepada Kumpulan Program.

8.5 Tempoh Latihan

Tempoh latihan yang ditetapkan bagi program mengikut tahap adalah seperti **Lampiran 5** dan program persijilan tahap tunggal adalah seperti **Lampiran 6**.

Pelaksanaan latihan melibatkan CU atau modul dominan berkenaan adalah mengikut kesesuaian dalam tempoh latihan.

8.5.1 Penetapan Julat Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Setiap CU Atau Modul Bagi Modul Teras.

Tempoh latihan Modul Teras hendaklah memenuhi peratusan julat masa yang ditetapkan merangkumi aktiviti terpandu/ bersemuka, sendiri dan penilaian seperti **Jadual 6**.

Jadual 6: Peratusan Julat Masa Bagi Aktiviti Terpandu/ Bersemuka, Kendiri dan Penilaian Bagi Modul Teras.

TAHAP	% Masa Aktiviti Pembelajaran & Penilaian Bagi Modul Teras (setiap CU atau Modul)			JUMLAH KESELURUHAN (%) (Bersemuka + Penilaian + Kendiri)
	AKTIVITI TERPANDU / BERSEMUKA	AKTIVITI PEMBELAJARAN KENDIRI	PENILAIAN	
1	80 - 95	0 - 17	3 – 20	100
2	80 - 95	0 - 17	3 – 20	100
3	70 - 90	5 – 20	3 – 20	100
4	60 - 70	10 – 30	10 – 30	100
5	60 - 70	10 – 30	10 – 30	100

8.5.2 Jumlah julat peratusan tempoh pembelajaran hendaklah bersamaan 100% apabila ketiga-tiga komponen dijumlahkan (bersemuka + penilaian + sendiri = 100%). Contoh pengiraan bagi penetapan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian Modul Teras adalah seperti **Lampiran 7**.

8.5.3 Bagi Program Persijilan Tahap Tunggal, Penetapan peratusan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah merujuk kepada tahap bagi CU

atau modul yang diambil di dalam kumpulan program bertauliah.

- 8.5.4 Bagi program tahap 4 dan 5, penetapan peratusan masa untuk projek akhir adalah sama bagi semua program seperti **Jadual 7**.

Jadual 7: Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Projek Akhir.

AKTIVITI PEMBELAJARAN	PERATUSAN (%)	JUMLAH JAM
Bersemuka	20	32
Penilaian		
Kendiri	80	128
JUMLAH	100	160

9.0 PENILAIAN

Penilaian dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah satu proses menilai tahap pengetahuan dan kemahiran serta sikap/amalan keselamatan/persekitaran seseorang pelatih yang mengikuti program latihan kemahiran yang dilaksanakan di pusat bertauliah. Penilaian dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai bagi menilai keterampilan seseorang pelatih seperti yang dikehendaki.

Penilaian SPKM berasaskan kredit ditetapkan seperti berikut:

- a. Penilaian adalah mengikut *Competency Unit* (CU) yang terdapat dalam NOSS atau mengikut modul bagi program yang menggunakan NOSS format Duti/Task dan kombinasi tahap bagi program Tahap Tunggal (TT).
- b. Nilai kredit dan gred diberikan setelah pelatih dinilai dan disahkan.
- c. Komponen penilaian merangkumi:
 - i. Modul Teras - Kerja Kursus, Penilaian Akhir dan Projek Akhir
 - ii. Modul Wajib -Core Abilities dan Modul Penyedia TVET.
 - iii. Pendedahan Industri / Latihan Industri.

9.1 Pelaksanaan Penilaian

9.1.1 Penilaian bagi setiap CU/Modul terbahagi kepada dua (2) iaitu:

a. Penilaian Kerja Kursus (PKK)

Semua CU/Modul hendaklah dilaksanakan secara dalaman di Pusat Bertauliah (PB).

b. Penilaian Akhir (PA)

i. Satu (1) CU/Modul dominan akan dinilai dan disahkan oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL) semasa sesi verifikasi di akhir kursus; dan

ii. CU/Modul yang lain hendaklah dilaksanakan secara dalaman.

9.1.2 PKK dan PA yang dilaksanakan secara dalaman di PB akan disemak dan disahkan oleh PPL semasa sesi verifikasi akhir.

9.2 Penilaian Kerja Kursus (PKK)

9.2.1 Penilaian Kerja Kursus terbahagi kepada dua (2) iaitu:

a. Penilaian Kerja Kursus Pengetahuan

Penilaian dilaksanakan oleh Pegawai Penilai (PP) menggunakan kaedah kuiz, kertas tugas dan lain-lain untuk menguji pengetahuan teori bagi semua CU/Modul.

b. Penilaian Kerja Kursus Prestasi

Penilaian dilaksanakan oleh PP melalui ujian amali bagi semua CU/Modul.

9.2.2 Semua maklumat pelaksanaan PKK hendaklah direkodkan di dalam Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) dan bukti penilaian hendaklah disimpan di dalam Portfolio pelatih.

9.2.3 Wajaran peratus PKK Pengetahuan dan Prestasi mengikut tahap adalah seperti di **Jadual 12**.

9.3 Penilaian Akhir

Penilaian akhir terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- i. Penilaian Akhir Dalaman
- ii. Penilaian Akhir Verifikasi PPL

9.3.1 Penilaian Akhir Dalaman

- a. PB bertanggungjawab untuk memastikan penilaian akhir bagi setiap CU/modul selain dari CU/modul Dominan dilaksanakan sebelum penilaian verifikasi PPL.
- b. PB bertanggungjawab untuk memastikan penilaian akhir bagi setiap CU dilaksanakan selepas pelatih lulus PKK bagi CU berkenaan.
- c. PP merekodkan markah penilaian akhir dalaman ke dalam sistem.
- d. PPD mengesahkan markah yang telah dimasukkan oleh PP di dalam sistem.
- e. Semua bukti penilaian akhir hendaklah disimpan di dalam portfolio pelatih.

9.3.2 Penilaian Akhir Verifikasi PPL

- i. PB bertanggungjawab untuk memastikan penilaian akhir Verifikasi PPL dilaksanakan bagi CU/modul Dominan.
- ii. PB hendaklah merujuk kepada perenggan 12.0: Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dalam panduan ini untuk pengurusan penilaian akhir verifikasi PPL.

9.3.3 Soalan Penilaian Akhir

PB perlu menyemak soalan di eQB. Sekiranya:

- i. Soalan sediaada di eQB:

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** dari tarikh cadangan penilaian akhir. PB dibenarkan untuk memuat turun:

- Soalan penilaian pengetahuan **satu (1) hari bekerja sebelum** tarikh penilaian.
- Soalan penilaian prestasi – **satu (1) hari bekerja sebelum** tarikh penilaian.
- Senarai bahan bagi tujuan penilaian prestasi – **satu bulan setengah (1½)**.

ii. Jika soalan tiada dalam eQB:

- PB hendaklah membangunkan dua (2) set soalan beserta skema jawapan bagi CU berkaitan dengan merujuk kepada **Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa dan Jadual 8.**
- Soalan dibangunkan oleh Personel Pentauliahan.
- Soalan yang dibangunkan hendaklah diluluskan oleh PPPB dan disahkan oleh TAC.
- Kertas soalan Penilaian Akhir yang dibangunkan hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- PB hendaklah menyediakan set soalan yang mencukupi mengikut bilangan pelatih
-

Jadual 8: Penyediaan Set Soalan PA Berdasarkan Kepada Nilai Kredit CU/Modul Dan Tahap

BIL	PERKARA	CU/MODUL TAHAP 1 & 2	CU/MODUL TAHAP 3	CU/MODUL TAHAP 4 & 5
1.	PENGETAHUAN			
	(a) Bentuk soalan	Objektif (Aneka Pilihan) <i>Recall</i> & Pemahaman	Objektif (Aneka Pilihan) <i>Recall</i> , Pemahaman & Aplikasi	Objektif (Aneka Pilihan) & Subjektif Pemahaman & Analisis
	(b) Bilangan soalan berdasarkan nilai kredit			
	≤ 3 kredit	20 soalan		40 soalan Objektif 1 soalan subjektif
	4 – 6 kredit	30 soalan		40 soalan Objektif 2 soalan subjektif

	≥ 7 kredit	40 soalan	40 soalan Objektif 3 soalan subjektif
	(c) Tempoh masa	1.5 min / soalan	1.5 min / soalan Objektif 30 min / soalan (subjektif)
	≤ 3 kredit	30 min	1 jam 30 min
	4 – 6 kredit	45 min	2 jam
	≥ 7 kredit	1 jam	2 jam 30 min
	(d) Aras kesukaran	Rendah 50% Sederhana 30% Tinggi 20%	
2.	PRESTASI	1 – 5 jam	

Nota: Sila rujuk Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa

9.3.4 Perkara Am Penilaian Akhir

- a. PPB bertanggungjawab dalam memastikan kawalan keselamatan ke atas kertas soalan yang telah dicetak
- b. PPB bertanggungjawab melantik PP sebagai Ketua Pengawas bagi Penilaian Akhir Dalam manakala PPL bertanggungjawab sebagai Ketua Pengawas semasa sesi Penilaian Akhir Verifikasi PPL.
- c. PB hendaklah menyediakan tempat penilaian yang bersesuaian dan lengkap dengan kemudahan yang diperlukan seperti:
 - i. kerusi dan meja yang sesuai
 - ii. jam dinding
 - iii. papan putih dan kelengkapannya
- d. Ketua Pengawas perlu memastikan peraturan-peraturan penilaian dipatuhi.
- e. Personel pentauliahan hendaklah membantu Ketua Pengawas sepanjang penilaian dijalankan bagi memastikan penilaian berjalan dengan lancar.

- f. Pelatih hendaklah berada di tempat penilaian 15 minit sebelum penilaian dijalankan.
- g. Pelatih hendaklah sentiasa berpakaian kemas sepanjang ujian dijalankan.
- h. Pelatih hendaklah mempamerkan kad pengenalan atau pengenalan lain untuk disemak oleh ketua pengawas bagi tujuan pengesahan.
- i. Ketua Pengawas hendaklah menerangkan butiran arahan sebelum memulakan penilaian.
- j. Pelatih dilarang sama sekali membawa dan menggunakan telefon bimbit.
- k. Pelatih yang gagal mematuhi arahan boleh menyebabkan penilaian pelatih dibatalkan.
- l. Ketua Pengawas hendaklah mengumpul semua kertas soalan dan kertas jawapan pelatih di akhir sesi penilaian.

9.4 Projek Akhir

- 9.4.1 Komponen ini hendaklah dilaksanakan bagi program Tahap 4 dan Tahap 5 dengan jumlah kredit adalah 4 bagi setiap tahap berkenaan.
- 9.4.2 Projek akhir membolehkan pelajar menjadi seorang kreatif, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam merancang, melaksanakan dan menilai projek secara sistematik.
- 9.4.3 Projek akhir bertujuan membolehkan pelatih mengintegrasikan semua perkara yang dipelajari dan mengembangkan konsep, komunikasi, kerja berpasukan serta kemahiran generik lain yang diperlukan bagi profesion berkenaan di alam pekerjaan.
- 9.4.4 Merangkumi sekurang-kurangnya 50% kemahiran utama dalam laluan (*area*) program berkenaan. Ianya boleh merangkumi kombinasi tahap terendah (Contoh Tahap 1 hingga 4 (DKM) dan Contoh Tahap 1 hingga 5 (DLKM)) dalam laluan program tersebut. Elemen analisis dan aplikasi hendaklah

dimasukkan dalam laporan projek.

- 9.4.5 Cadangan projek hendaklah dilaksanakan dan disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 9.4.6 Pelatih dengan bimbingan penyelia hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam memastikan Projek Akhir dilaksanakan dengan baik.
- 9.4.7 Projek Akhir boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan dengan bilangan maksimum ahli kumpulan adalah 3 orang.
- 9.4.8 Setiap projek akhir hendaklah disediakan perkara berikut:-
- a. Kertas Cadangan Projek
 - b. Buku log aktiviti Projek Akhir
 - c. Draf Laporan Projek Akhir
 - d. Pembentangan Projek Akhir
 - e. Laporan Projek Akhir
- 9.4.9 Pelatih hendaklah menyediakan laporan Projek Akhir mengikut format dan maklumat-maklumat seperti dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Projek Akhir. Bagi pelaksanaan secara berkumpulan, penyediaan laporan hendaklah dibangunkan secara individu.
- 9.4.10 Penilaian **projek akhir** terdiri daripada:
- i. Penilaian oleh PP -Wajaran 30%
 - ii. Penilaian oleh Panel Penilai Projek Akhir (PPD, wakil JPK-Pengerusi dan PPL) – Wajaran 70 %
- 9.4.11 Penilaian PP hendaklah dibuat secara berterusan dan disahkan oleh PPD sebelum verifikasi PPL. Skema Pemarkahan Projek Akhir oleh PP dengan Wajaran 30% seperti **Jadual 9**:

Jadual : 9 : Skema Pemarkahan Projek Akhir Oleh PP

PERKARA DINILAI	PERINCIAN	WAJARAN MARKAH (%)	MARKAH LULUS MINIMUM (%)
Cadangan Projek	(a) Tajuk Projek (b) Objektif (c) Skop (d) Kajian Literatur (e) Kepentingan Projek (f) Perancangan Projek (g) Kos Projek (h) Kertas Cadangan Projek (i) Pembentangan Kertas Cadangan Projek (j) Matrik / senarai semak bagi CU/WA yang terlibat dalam NOSS * Merangkumi sekurang-kurangnya 50% kemahiran utama dalam laluan (area) program berkenaan.	5	3
Pengurusan Projek	(a) Pengurusan Masa (b) Penyelesaian Masalah (c) Pengawasan yang minimum (d) Kreatif & Inovatif (e) Komunikasi (f) Keselamatan (g) Sikap (h) Kemahiran (i) Berpengetahuan (j) Prestasi dan komitmen pelatih (k) Buku Log Aktiviti Projek Akhir (l) Draf dan Laporan Akhir Projek (m) Draf pembentangan Projek	25	15
Jumlah Markah (%)		30	18

9.4.12 Penilaian PPD dan PPL dilaksanakan semasa verifikasi penilaian projek akhir. Skema Pemarkahan Projek Akhir oleh PPD dan PPL dengan Wajaran 70% seperti **Jadual 10**.

Jadual 10 : Skema Pemarkahan Projek Akhir Oleh PPD dan PPL

PERKARA DINILAI	PERINCIAN	WAJARAN MARKAH (%)	MARKAH LULUS MINIMUM (%)
Hasil Keseluruhan	a. Pengetahuan b. Kreativiti c. Komitmen d. Kebolehgunaan e. Kefungsian / aplikasi hasil projek dan kajian	40	24
Laporan Projek * Rujuk Format Panduan Pelaksanaan Projek Akhir Kaedah SLaPB yang berkuatkuasa	a. Kandungan b. Abstrak c. Pengenalan d. Kajian Literatur e. Kaedah Pelaksanaan Projek f. Keputusan dan perbincangan/ Analisis g. Kesimpulan dan Cadangan untuk Kajian akan datang / pelaksanaan h. Rujukan	15	9
Persembahan Projek	a. Kandungan – Objektif Projek – Ringkasan Projek/Kajian berdasarkan Laporan Projek – Metodologi dan pelaksanaan Projek – Keputusan dan Hasil / Kepentingan Projek – Perbincangan, cadangan dan kesimpulan b. Kefahaman / pengetahuan berkaitan projek c. Penggunaan AVA	15	9

	d. Gaya penyampaian dan kreativiti e. Soal jawab		
Jumlah Markah (%)		70	42

- 9.4.13 Pelatih hendaklah membentangkan draf awal Projek Akhir kepada panel penilai Projek Akhir yang terdiri daripada:
- PPL; dan
 - PPD;
 - Wakil Industri (Jika ada);
 - Wakil JPK (boleh dijemput hadir)
- 9.4.14 Pelatih hendaklah membentangkan hasil Projek Akhir kepada panel penilai Projek Akhir yang terdiri daripada;
- Pegawai JPK;
 - PPL; dan
 - PPD;
 - Wakil Industri (Jika ada)
- 9.4.15 Wakil Industri yang dilantik oleh PB hendaklah dalam bidang berkaitan semasa sesi pembentangan projek akhir. Pemarkahan oleh Wakil Industri adalah sama seperti PPD dan PPL.
- 9.4.16 PB hendaklah menyediakan skema penilaian Projek Akhir yang mengandungi perkara dan peratus pemarkahan seperti **Jadual 9** dan **Jadual 10**.
- 9.4.17 Setiap ahli panel akan memberi penilaian berasaskan skema pemarkahan yang telah disediakan.
- 9.4.18 Pelatih hendaklah memperolehi markah lulus sekurang-kurangnya 60% bagi setiap perkara yang dinilai.
